

# 51 sertai Women Charity Run

UB 3.1.2019 B2

KOTA KINABALU: Exco Kemasyarakatan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa JAKMAS menganjurkan Program Women Charity Run 2018 bertempat di Padang Kawad, Universiti Malaysia Sabah yang dikendalikan sepenuhnya oleh Sekretariat Exco Kemasyarakatan

JAKMAS.

Seramai 51 pelajar menyertai program ini yang bertujuan mengajak semua warga kampus untuk menyertai larian ini untuk mengisi masa lapang dan mengamalkan gaya hidup sihat, program ini bukan sahaja untuk siswi malah dialu-alukan untuk siswa seluruh kampus.

Pengetua Kolej Kediaman Excellent, Dr Syahrudin Haji Awang Ahmad berkata, beliau ingin memastikan penglibatan wanita dalam amalan aktiviti gaya hidup yang sihat.

Tambahnya, ianya bagi merapatkan ukhuwah antara mahasiswa dengan badan bukan kerajaan NGO.